

Asai 'perang' di Saigon

>>Oleh Mohd Fady Samsudin
fady@metro.com.my

Terowong Cu Chi dan War Remnants Museum menggambarkan keperitan penduduk Vietnam di samping memborong di Ben Thanh Market

Jika melihat perjalanan trafik di Bandaraya Ho Chi Minh, kita pasti memikirkan kesesakan lalu lintas yang teruk setiap hari.

Namun, jangkauan itu meleset kerana kenderaan tetra bergerak perlahan-lahan dan agak lancar berbanding keadaan sebenar di atas jalan.

Bayangkan negara itu memiliki tiga juta motosikal, pastinya keadaannya hiruk-pikuk. Namun, penulis kagum kebanyakan penunggang motosikal di sini tidak menunggang secara melulu.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka masih tidak peka mengenai aspek keselamatan diri terutama cara pemakaian topi keledar.

Rata-rata penunggang memakai topi heloder hanya untuk bergaya dan memenuhi tuntutan fesyen, bukan melindungi diri.

Itulah sebagian pemandangan ketika penulis berkunjung ke sana, baru-baru ini bersama 600 usahawan Hai-O Marketing.

Menurut pemandu pelancong kami, Iyan Minh Kong, pelancong jalan di Ho Chi Minh asalkan angkat tangan dan melintas secara perlahan-lahan kerana penunggang di sana memberi ketamakan kepada pejalan kaki.

Ho Chi Minh yang dutanya dikenali sebagai Saigon didiami lebih sembilan juta penduduk. Perjalanan menaki pesawat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Tan Son Nhat, Bandaraya Ho Chi Minh hanya mengambil masa satu jam setengah.

Sepanjang empat hari di sana, kami menginap di Hotel Cosmopolitan dan sempat berkunjung ke beberapa destinasi tumpuan pelancong antaranya Cu Chi Tunnel, War Remnants Museum, Saigon Square dan Ben Thanh Market. Ben Thanh Market menjadi destinasi pertama kami, ia menjadi lokasi borong terbesar di bandar itu yang dibuka mulai jam 10 pagi hingga 6 petang.

Menempahkan hampir 3,000 kedai yang menjual pelbagai barangan termasuk kain sulam, sutera, produk kraf, lukisan, beg, kasut dan kasut.

Terpulang kepada kebijaksanaan masing-masing untuk menaruk sehingga boleh mendapatkan harga tiga kali ganda jika beli murah.

Di Saigon Square pula, anda boleh mendapatkan beg, kemaja, kasut kasut serta barangan kulit berjenama terkenal seperti



MUZIUM PERANG... antara tinggalan peraratan tenteraan yang diunjurkan pablisasi dalam perang Vietnam dengan Amerika



KENANGAN...Sebahagian usahawan Hai-O Marketing melawat ke Vietnam bergambar bersama Pengurus Persatuan (Teh Neo Sheng) (tuan dari kiri).



PADAT...di setiap jalanan di Ho Chi Minh dipenuhi dengan motosikal.



KE SASARAN... penulis marcupi senjata M-16.

Giorgio Armani, Todd, Mont Blanc, Mango, Cartier bagi harga yang berpatutan.

Tidak lengkap kunjungan jika boleh melawat terowong Cu Chi kira-kira 70 kilometer dari bandaraya Ho Chi Minh. Terowong Cu Chi adalah rangkaian labirin bawah tanah yang dibina sejauh lebih 200 kilometer sebagai pertahanan kepada penduduk daripada ancaman tentera Amerika dalam perang Vietnam.


Jarak sejauh itu dikatakan sehingga sampai ke sempadan Kemboja. Apa yang

mengagumkan, sistem jaringan terowong itu dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk dewan taklimat perang, bilik tidur, bilik senjata, bilik masak serta terowong menuju ke sungai bagi mendapatkan bekalan air.

Terdapat antara 7,000 hingga 8,000 rakyat Vietnam tinggal di bawah terowong sepanjang kemelut perang yang berlangsung selama 16 tahun iaitu dari 1959 dan berakhir pada 1975. Ada kalanya mereka terpaksa tinggal di bawah tanah itu kerana bila lamanya mereka bingung mereka terdedah

kepada ancaman bom dari udara.

Hidup di bawah terowong itu terfalu kuat kerana bekalan makanan, air dan udara amat terhad selain dibancah pelbagai serangga berbahaya seperti lipan dan kala jengking. Disediakan masalah pengudaraan yang tidak begitu baik di dalam terowong itu, ramai tentera Vietnam mati akibat malaria. Penunggang boleh merasai pengalaman masuk ke bawah terowong sejauh 20 meter. Bagaimanapun, pengalaman



BEGINI...pengunjung di Ho Chi Minh melihat bom perisai yang tidak mempunyai terowong Cu Chi.



Reunification Palace atau istana presiden yang menyimpan sejarah zaman penjajahan Perancis di Vietnam bermula dari 1858.

Istana empat tingkat itu menjadi kediaman dan pejabat bagi Presiden Vietnam Selatan sepanjang Perang Vietnam. Ia menjadi tempat rasmi penyerahan kuasa ketika kejatuhan Saigon pada 30 April 1975.

Pada hari berikutnya, kami berkunjung pula ke pangkalan air bagi menyaksikan pesembahan yang berkisar kisah mitos raja dan ikan.

Pesembahan patung air itu mengambil masa sejam dan cukup menghiburkan. Kami sempat ke War Remnants Museum bagi menyaksikan sejarah dan pengalaman pentadbiran kuasa perang Vietnam.

Di luar bangunan, penunggang boleh merakam gambar bersama tingkasan perlatihan tenteraan termasuk helikopter UH-1 Huey, pesawat pejuang F-5A, bom peledak BBU-1-82 yang dikenali sebagai Daisy Cutter, kereta perisai M48 Patton serta pesawat pengembong A-1.